



Lima atlet UPM dominasi anugerah MASUM



KUALA TERENGGANU, 12 Mei – Lima atlet kebangsaan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendominasi beberapa anugerah utama pada Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2011.

Pemanah, Cheng Chu Sian dan penerjun, Leong Mun Yee masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan serta Olahragawati Masum 2011 kerana pencapaian cemerlang di pentas antarabangsa sepanjang tahun lalu.

Mereka meraih hadiah wang tunai RM3 ribu, piala iringan, trofi dan sijil penghargaan daripada Sultan Terengganu, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada majlis Anugerah Sukan MASUM 2011 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Turut berangkat ke majlis itu ialah Sultanah Nur Zahirah.



Bagaimanapun, Chu Sian dan Mun Yee tidak hadir pada majlis itu kerana mereka kini gigit membuat persiapan menghadapi Sukan Olimpik 2012 di London, Julai depan.

Pelajar UPM yang merupakan juara dua kali Kejohanan Wushu Dunia dan juara dua kali emas Sukan Asia, Chai Fong Yin menerima Anugerah Khas MASUM. Beliau merupakan Olahragawati MASUM pada tahun lalu.

Dua lagi atlet UPM, K. Teagarajan, 21 (karate-Do), dan Nurfarah Afiqah Mohd. Taufekh, 22 (Menembak), masing-masing meraih anugerah Bintang Harapan lelaki dan wanita.

Teagarajan ketika ditemui sudah menjangka merangkul anugerah berkenaan berdasarkan pencapaiannya meraih pingat emas karate-do pada Sukan SEA di Jakarta, Indonesia tahun lalu.



"Kejayaan ini akan menyuntik semangat motivasi yang tinggi kepada saya dalam menyertai beberapa pertandingan antarabangsa yang bakal diadakan tahun ini," katanya.

Nurfarah Afiqah yang menduduki kelompok enam penembak remaja terbaik dunia ketika ini tidak menduga akan meraih anugerah berkenaan.

"Saya merasakan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun lalu banyak membantu dalam meraih anugerah ini," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor dan Pengerusi Masum merangkap Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Datuk Dr. Kassim Md. Mansur dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan.



Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi ketika mengulas berkata UPM berjaya mempertahankan anugerah Olahragawati MASUM selama tujuh tahun berturut-turut sejak Mon Redee Sut Txi (Memanah 2004), Nursuryani Mohamed Taibi (Menembak 2005 dan 2006), Roslinda Samsu (Olahraga 2007), Leong MunYee (Terjun 2009 dan 2011) dan Chai Fong Ying (Wushu 2010).

Sementara itu pada titah perasmian, Tuanku Mizan mengingatkan agar atlet sentiasa menjaga nama baik negara dalam setiap pertandingan yang disertai terutamanya di luar negara kerana atlet kini dilihat sebagai ikon yang semakin menjadi perhatian masyarakat.

"Diharapkan atlet-atlet ini dapat meletakkan nama Malaysia di tempat tertinggi, dan sentiasa ingat untuk menjaga nama baik negara kerana mereka dilihat sebagai ikon yang menjadi perhatian masyarakat," titah baginda.

Baginda juga berbangga dengan pencapaian enam atlet daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang akan mewakili negara pada acara Sukan Olimpik London 2012 pada 27 Julai hingga 12 Ogos ini.

Tiga atlet UPM yang akan menyertai Sukan Olimpik itu ialah Cheng Chu Sian (Memanah), Leong Mun Yee (Terjun) dan Yu Peang Kean (Lawan Pedang).

Laporan berita oleh Khairul Anuar Muhamad Noh dan foto oleh Arafat Mashhuri Awang dari Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm), 03-89467469

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia